

AXCEL METRONIDAZOLE TABLET

Metronidazole (200mg, 400mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Metronidazole Tablet.
2. Bagaimana Axcel Metronidazole Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axcel Metronidazole Tablet.
4. Cara menggunakan Axcel Metronidazole Tablet.
5. Semasa menggunakan Axcel Metronidazole Tablet.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Metronidazole Tablet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Metronidazole Tablet

Axcel Metronidazole Tablet digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan tertentu yang disebabkan oleh bakteria dan organisma-organisma lain di bahagian-bahagian berlainan pada badan.

Bagaimana Axcel Metronidazole Tablet berfungsi

Axcel Metronidazole Tablet adalah antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil nitroimidazoles. Ubat ini berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan bakteria dan organisma lain yang menyebabkan jangkitan ini.

Sebelum mengambil Axcel Metronidazole Tablet

– Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Axcel Metronidazole Tablet jika anda pernah mempunyai tindak balas alergi terhadap:

- Metronidazole atau mana-mana nitroimidazole
- Mana-mana bahan kandungan yang tersenarai pada bahagian terakhir risalah ini.

Jangan ambil axcel Metronidazole Tablet jika:

- Anda mempunyai atau pernah mempunyai gangguan darah.

- Anda mempunyai atau pernah mempunyai penyakit otak, saraf tunjang atau saraf.

– Sebelum mula mengambil

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang alergi kepada mana-mana ubatan lain atau mana-mana bahan lain seperti pengawet atau pewarna makanan.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mempunyai mana-mana masalah kesihatan / keadaan perubatan termasuk:

- Gangguan darah.
- Penyakit otak, saraf tunjang atau saraf
- Anda minum minuman keras

Sila rujuk kepada doktor anda sebelum mula menggunakan Axcel Metronidazole Tablet jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak dan berniat untuk menyusukan anak. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko pengambilan Axcel Metronidazole Tablet terhadap faedah yang mereka harapkan untuk anda.

– Jika mengambil ubat- ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat-ubatan lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh terjejas dengan Axcel Metronidazole Tablet atau mungkin boleh menjejaskan keberkesanannya. Ini termasuk:

- *Alkohol*
- *Disulfiram*, ubat yang digunakan untuk merawat pergantungan alkohol yang kronik
- *Warfarin* atau ubat-ubatan lain yang digunakan untuk mencegah pembekuan darah
- *Phenytoin*, ubat yang digunakan untuk merawat sawan
- *Lithium*, ubat untuk merawat kemurungan manic atau jenis-jenis kemurungan yang lain

- *Phenobarbitone*, ubat sawan atau sedasi
- *Cimetidine*, ubat untuk merawat refluks gastric dan ulser.

Cara menggunakan Axcel Metronidazole Tablet

– Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral sahaja.

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Dos akan berbeza daripada seorang pesakit dengan pesakit yang lain. Doktor anda akan menentukan dos yang tepat untuk anda.

– Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Metronidazole Tablet.

– Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatan.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.
- Jangan berhenti mengambil ubat ini, walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali atas nasihat doktor anda. Jangkitan anda mungkin belum pulih sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat ini terlalu awal.

– Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatan kerana Axcel Metronidazole Tablet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

– Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Dinasihatkan supaya hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda mengambil Axcel Metronidazole Tablet berlebihan.

AXCEL METRONIDAZOLE TABLET

Metronidazole (200mg, 400mg)

Semasa menggunakan Axcel Metronidazole Tablet

– Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Axcel Metronidazole Tablet.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu mengambil ubat lain tanpa diduga.
- Ambil Axcel Metronidazole Tablet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axcel Metronidazole Tablet lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan lebih dos tablet pada setiap satu masa pengambilan.
- Jangan minum minuman keras atau apa-apa minuman beralkohol semasa mengambil Axcel Metronidazole Tablet.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

- Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Metronidazole Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Ketidakselesaan gastrousus

- Mual
- Cirit-birit
- Kesusahan epigastric dan kekejangan perut
- Sakit kepala
- Muntah.
- Rasa ganjil di dalam mulut
- Kepeningan, perasaan ketakselarasan atau pergerakan-pergerakan yang tidak selaras.
- Kemurungan
- Ruam kulit
- Mulut kering, kekeringan mulut (atau faraj atau vulva)
- Corak pembuangan air kecil yang luar biasa (contohnya kesukaran untuk kencing)
- Penurunan sel darah putih
- Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku kepada sesetengah pesakit. Maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda perasan kesan-kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Metronidazole Tablet

– Penyimpanan

Jauhkan Axcel Metronidazole Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi dari cahaya.

– Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– Rupa dan warna produk

Axcel Metronidazole-200 Tablet. Berwarna putih, biconvex, berbentuk bulat dan mempunyai diameter 9.8mm.

Axcel Metronidazole-400 Tablet. Berwarna putih, berbentuk bujur dan mempunyai diameter 18.8mm.

– Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Metronidazole

Bahan Tidak Aktif:

Aerosil, Sodium Starch Glycollate, Povidone, Lactose, Microcrystalline Cellulose, Corn Starch, Purified Water, Dioctyl Sodium Sulphosuccinate, Isopropyl Alcohol, Magnesium Stearate dan Opadry White.

– Nombor MAL

Axcel Metronidazole-200 Tablet
MAL20032263AZ

Axcel Metronidazole-400 Tablet
MAL19872225AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
04/01/2016

Nombor siri
BPFK(R4/1)081215/00483